

Sukan

KEJOHANAN PENCAK SILAT DUNIA KE-16

Tenang hadapi cabaran

Pasukan silat nasional sasarkan dua emas di kejohanan dunia

► **NORMAN SAWI**
normans@sph.com.sg

SASARAN pingat emas yang 'dipikul' oleh dua pesilat utama negara Shakir Juanda dan Nur Alfian Juma'en mungkin menambah tekanan ke atas bahu mereka.

Namun pengurus pasukan Sheik Alau'ddin Yacoob Marican berkata beliau ingin anak didiknya kekal tenang supaya dapat menunjukkan keupayaan sebenar di Kejohanan Pencak Silat Dunia ke-16 yang berlangsung hari ini hingga 17 Januari di Phuket, Thailand.

"Semua latihan dah dilalui. Bukan Shakir dan Alfian sahaja, tapi setiap atlet dah curahkan tenaga, dah luahkan keramat."

"Kini, mereka perlu tenang supaya segala latihan itu tidak sesia sahaja. Saya yakin mereka boleh," kata Sheik Alau'ddin, ketika dihubungi dari Thailand semalam.

Rombongan negara yang merangkumi 23 pesilat dan empat pegawai berangkat ke Phuket petang ini selepas melengkapkan latihan pusat 10 hari di Pusat Kece-merlangan Silat di Bedok.

Di sana, mereka diberi tempoh tiga hari bagi berlatih dan menyesuaikan diri dengan keadaan gelanggang di Stadium Saphan Hin, sebelum pertandingan bermula secara rasmi Sabtu ini.

Sebanyak 18 acara tanding dan seni ditawarkan dan kumpulan pesilat negara yang terdiri daripada 14 lelaki dan sembilan perempuan dijangka mengambil bahagian dalam hampir kesemua acara.

Menurut Sheik Alau'ddin, peluang pingat emas terbaik bagi negara ialah dalam dua acara tanding - Kelas H yang disertai oleh juara dunia Shakir Juanda dan Kelas F yang disertai oleh juara Sukan Asia



DUA PESILAT HARAPAN: Juara Sukan SEA 2013 Nur Alfian Juma'en (kiri) dan juara dunia 2012 Shakir Juanda memikul tanggungjawab memburu pingat emas bagi negara di Kejohanan Pencak Silat Dunia ke-16. - Foto fail

Tenggara (SEA) 2013 Nur Alfian Juma'en.

Sementara rela mendedahkan sasarannya bagi kedua-dua acara yang disertai penerima biasiswa Spex itu, Sheik Alau'ddin enggan mendedahkan matlamat khusus bagi pesilat lain.

Menurutnya, beliau hanya akan 'lebih tahu' selepas majlis pengundian yang berlangsung esok.

"Lepas itu, baru kita tahu siapa lawan siapa... sukar atau tidak," kata Sheik Alau'ddin, berterus-terang.

Bagaimanapun, laluan ke persada kejohanan dunia dijangka lebih sukar kali ini.

Di kejohanan dunia di Chiang Rai, Thailand, dua tahun lalu, Shakir perlu menewaskan sembilan pesilat lain demi merangkul pingat emas dalam Kelas I.

Pesilat yang ingin memenangi acaranya tahun ini boleh menjangka dugaan yang setera atau lebih genting.

Menurut penganjur Persatuan Pencak Silat Thailand, ia menjangka penyertaan lebih 600 pesilat dari 47 negara - jumlah tertinggi dalam sejarah pertandingan ini.

Walaupun yakin, Shakir, yang juga kapten pasukan, akur cabaran menggunakan bagi rombongan pesilat muda ini. Beberapa peserta, seperti Irham Mustafa

Kamal dan Sheik Farhan Sheik Alau'ddin, baru berusia 16 dan 17 tahun dan beraksi dalam kejohanan dunia pertama.

Bagi Sheik Alau'ddin, prestasi yang ditunjukkan anak didiknya di kejohanan dunia ini adalah ujian paling penting, kurang enam bulan sebelum Singapura menganjurkan Sukan SEA ke-28 Jun ini.

"Kami mendekati cabaran ini secara berperingkat... selangkah demi selangkah."

"Pesilat kami tahu apa jangkauan kami dan saya yakin mereka mampu memenuhinya," kata Sheik Alau'ddin.



Misi 'takluk dunia' bermula

MEREKA berangkat ke Phuket, Thailand, hari ini berbekal sejuta harapan.

Apabila pulang ke Singapura minggu depan, mereka berharap berkalung pingat pula.

Rombongan silat nasional seramai 27 anggota - merangkumi 23 pesilat dan empat pegawai - dijadual tiba di Phuket petang ini demi mewakili negara di Kejohanan Pencak Silat Dunia ke-16 yang berlangsung mulai hari ini hingga 17 Januari.

Skuad pesilat terbahagi kepada 14 pesilat lelaki dan sembilan pesilat perempuan, termasuk trio Nurul Khairunnisa Azlani, Nur Fazlin Juma'en dan Nur Shafiqah Sheik Alau'ddin (gambar dari kiri).

Antara pesilat yang diharapkan menggondol pingat termasuk juara dunia 2012 Shakir Juanda dan juara Sukan Asia Tenggara (SEA) 2013 Nur Alfian Juma'en.

Menurut pengurus pasukan Sheik Alau'ddin Yacoob Marican, masanya telah tiba bagi anak didiknya membuktikan keupayaan di pentas dunia.

"Kejohanan ini akan membezakan pesilat yang baik dengan pesilat yang unggul... ini adalah ujian penting bagi pesilat kami," kata Sheik Alau'ddin.

Tenang hadapi cabaran

- Muka 15